

TIDAK BOLEH NIAGA POLITIK

MALAYSIA 13 SEP 1992

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi mengingatkan bahawa ekonomi negara yang kini dalam keadaan baik akan rosak jika perniagaan dan politik dicampur adukkan secara langsung.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri menyangkal sama sekali pendapat sesetengah pihak kononnya jika kuasa politik dapat digunakan oleh mereka keuntungan besar akan diperolehi dalam perniagaan.

Beliau menjelaskan, tanggungjawab politik hanyalah menyediakan prasarana dan kemudahan-kemudahan lain bagi membolehkan perniagaan dan ekonomi negara tumbuh dengan sihat.

Dalam hal ini, beliau mendedahkan bagaimana para peniaga sering meminta ahli politik yang berkuasa supaya menyalahgunakan kuasa mereka bagi kepentingan peniaga tertentu.

"Jika ini berlaku, akhirnya akan rosaklah ekonomi negara dengan kegiatan rasuah yang meluas," katanya semasa merasmikan mesyuarat agung tahunan Koperasi Usaha Bersatu (KUB) ke-12 di Pusat Islam di sini hari ini.

Diminta mengulas lebih lanjut berhubung perkara itu, Perdana Menteri memberitahu para pemberita kemudian, kerajaan tidak membunyai undang-undang untuk menye-

kat koperasi-koperasi mencampur adukkan perniagaan dan politik tetapi sekadar boleh memberi nasihat.

"Terpulanglah kepada ahli-ahli koperasi, jika mereka campur aduk perniagaan dan politik, mereka juga akan rugi," ujarnya.

Dr. Mahathir menambah, adalah tidak menjadi kesalahan jika ahli-ahli politik melibatkan diri dalam koperasi asalkan mereka tidak membawa kepentingan politik diri dalam koperasi tersebut.

Menurutnya, pengaruh politik juga boleh membawa kejayaan dan kegagalan kepada sesebuah koperasi.

Menjatuhkan ahli

Perdana Menteri berkata, koperasi juga boleh rosak jika ada ahli-ahlinya cuba menggunakan koperasi untuk menjatuhkan ahli-ahli politik di dalam koperasi tersebut.

Dalam hubungan ini, beliau menyeru pengarah-pengarah koperasi supaya sentiasa mengikuti perkembangan dan aliran terkini dalam pembangunan ekonomi dan industri serta pasaran kewangan.

Selain daripada pemimpin yang cekap, jujur dan tidak bermain politik, kejayaan sesebuah koperasi bergantung kepada kepercayaan terhadap perniagaan.

"Kerajaan tidak akan menanggung beban kerugian institusi kewangan, baik koperasi, syarikat mahupun badan berkanun. Sekiranya ia dilakukan, maka kerajaan akan

LHAT MUKA 6

CAMPUR
— P M

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

TIDAK BOLEH CAMPUR NIAGA POLITIK — PM

Mil. 13 SEPT 1992

mengalakkan institusi yang tidak cekap," ujarnya.

Enam tahun lalu, Bank Negara terpaksa membekukan harta 24 Koperasi Pengambil Deposit (KPD) yang mengalami keadaan kewangan yang runcing kerana pengurusan tidak cekap, kurang pengalaman dan profesionalisme termasuk rasuah, kata Dr. Mahathir lagi.

Dalam waktu yang sama, katanya, 600,000 penyimpan hilang lebih \$1.5 bilion.

Beliau menambah, kerajaan telah mengetatkan peraturan untuk memastikan kejadian yang sama tidak berulang lagi.

Perdana Menteri berkata, budaya korporat yang dinamik sepatutnya menggabungkan falsafah dan etika kerja yang terbaik daripada Timur dan Barat.

"Ambillah risiko, tetapi janganlah cuba meraih keuntungan yang cepat kerana selalunya keuntungan yang cepat mudah bertukar menjadi kerugian yang cepat dan besar," ujarnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa satu unsur penting Wawasan 2020 ialah usaha untuk meningkatkan kemampuan dan kebolehan kaum bumiputera untuk mengendalikan harta kekayaan mereka dengan baik.

Katanya, Malaysia tidak mungkin berjaya menjadi sebuah negara maju jika kaum bumiputera masih belum berjaya mengendalikan harta kekayaan mereka seperti kaum bukan bumiputera.

"Dalam hal ini, koperasi merupakan satu bidang yang baik bagi kaum bumiputera untuk mempelajari cara-cara dan pendekatan untuk mengatasi kelemahan pengurusan, pembentukan ciri-ciri keusahawanan dan sebagainya," katanya.

Mengenai KUB, beliau berharap pemimpin-pemimpinnya sentiasa mengenalpasti bidang-bidang pelaburan yang baru untuk menentukan koperasi mereka dapat berkembang, terus kukuh dan relevan dalam era 1990-an dan seterusnya.

KUB, katanya, hendaklah menceburkan diri dalam bidang-bidang yang mempu-

nyai potensi di samping memberi peluang kepada mereka yang kurang bernasib baik untuk memajukan diri mereka.

"Ini sejajar dengan semangat yang mendorong penubuhan koperasi," ujarnya lagi.

Beliau turut memuji langkah KUB melibatkan diri dalam

industri pendidikan kerana ia bukan sahaja merupakan langkah bijak daripada segi kewangan tetapi juga memenuhi keperluan pendidikan di kalangan bumiputera lepasan sekolah.

Dalam hubungan ini, beliau berharap lebih banyak kolej

swasta yang akan ditubuhkan di seluruh negara mengikut jejak Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) menggunakan bahasa Malaysia sebagai pengantar.

"Namun kefasihan dalam bahasa Inggeris perlu diberi perhatian," katanya.